



B

A

B

K

E

E

M

P

A

T

BAB IV

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

A. SEJARAH PENTUBUHAN

Bab ke IV ini merupakan bab yang terpenting yang memaparkan hasil penyelidikan penulis terhadap masalah yang dikaji. Terlebih dahulu penulis akan menghuraikan secara ringkas sejarah pentubuhan Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Agama Islam Melaka yang merupakan dua organisasi keagamaan yang banyak menyumbangkan usaha dalam pembangunan Negeri Melaka, khususnya dalam bidang kerohanian.

Selepas Malaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, hal ehwal perjalanan agama Islam menjadi tanggungjawab kerajaan negeri. di Melaka tanggungjawab ini diserahkan pengelolaannya kepada sebuah majlis agama yang dinamakan Majlis Agama Islam Melaka (NAIM). Majlis Agama Islam Melaka ini bertanggungjawab dalam segala urusan hal ehwal agama Islam di negeri ini di bawah naungan kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong selaku Ketua Agama Negeri.¹ Pengubahan ini telah dinyatakan di J

¹ Perlembagaan Negeri Melaka, 1962, Perkara 5 (1), (2); Perlembagaan Persekutuan Malaysia, 1963, Perkara 3 (3).

Jam Perlombagaan Negeri Melaka, Perlombagaan Persekutuan Malaysia, dan
Warta Kerajaan Negeri.

MAIM ditubuhkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak
Bilangan I Tahun 1959, pada 28hb. Februari, 1959 berseamaan 20 Sya'ban, 1378
dan telah dirasmikan penubuhannya pada 28hb. September, 1960.² Penubuhan
ini tertulia seperti berikut :

" 4. Maka hendaklah ada sebuah Majlis Agama Islam, Melaka
yang di dalam Bahasa Inggeris akan digelar " Council
of Religion, Malacca " untuk menasihatkan Yang DiPertua
tuan Agong di dalam perkara-perkara yang berhubung
dengan agama Islam di dalam negeri ini ".³

Untuk mentadbir hal ehwal agama Islam dalam Negeri Melaka, maka
Pejabat Ugama Islam Melaka (PUIM) yang sekarang dikenali sebagai Jaba-
tan Agama Islam Melaka diwujudkan bagi mentantu pentadbiran dalam melak-
ukan usaha-usaha untuk memperluaskan lagi kegiatan da'wah Islamiah
dan menyelesaikan masalah-masalah keagamaan yang dihadapi dari masa ke
masa.⁴

² Temubual dengan Encik Mohd. Yassin bin Alias, Ketua Kerani Majlis Agama Islam Melaka, MAIM, pada 24hb. November, 1989, jam : 10.30 pagi
hingga 11.30 pagi.

³ Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak, Bilangan, 1959,
Bahagian II, Pasal 4, hal. 12.

⁴ Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, Latihan Ilmiah : Urusan Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka: Jabatan Agama, Organisasi dan Rungsi-fungsinya, Sesi 1969/70, hal. 25.

Pentadbiran JAIN pada awalnya adalah di bawah bidang kuasa MAIM secara langsung. Pada tahun 1977 suatu perubahan dalam penyusunan pentadbiran dan pembahagian tugas yang lebih sistematik telah dilakukan bagi melancarkan lagi perjalanan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Maka pada 1hb.November, 1977 telah terlantik seorang pengarah secara rasmi bagi mengotuni, mengurus dan mentadbir JAIN dengan dibantu oleh beberapa orang pegawai agama yang menjadi ketua kepada bahagian-bahagian yang wujud di dalam JAIN itu sendiri.⁵ Namun begitu JAIN daripada MAIM masih mempunyai hubungan walaupun tidak secara langsung dan sejala keterangan yang berhubung dengan JAIN tetap tidak dapat dipastikan. Juga terdapat pengaruh JAIN, kerana JAIN bertindak sebagai urusetia kepada MAIM.⁶

B. STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN MAIM DAN JAIN

Sila rujuk LAMPIRAN A bagi keterangan struktur organisasi pentadbiran MAIM dan JAIN. Telah dinyatakan bahawa segala hal ehwal agama Islam di Negeri Melaka adalah di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong selaku Ketua Tertinggi Majlis Agama Islam Melaka. Baginda berkuasa melantik beberapa orang ahli KALIS dan Ex-Officio atas naq-

⁵ Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, Penolong Pengarah Da'wah, JAIN, Bangunan Seri Negeri, 26hb.Jun, 1989 . jam : 11.00 pagi hingga 11.30 pagi.

⁶ Temubual dengan Encik Mohd.Yassin bin Alias, op.cit. .

hat MAIN untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Melaka. Ketua Menteri secara otamatik dilantik sebagai ketua penasihat DMIN Yang Dipertuan Agong.⁷

Pentadbir-pentadbir tertinggi MAJLIS adalah terdiri daripada Ex Officio atau Ahli Exec Kerajaan Negeri iaitu pegawai-pegawai kerajaan (Government Civil Servants). Mereka ini tidak diwajibkan sepuryai tau-lich dalam soal-soal agama Islam untuk menjawat jawatan-jawatan mereka di dalam MAJLIS, kerana mereka hanya mentadbir dan bukan mengorganisasikan agama Islam di Melaka. Tugas-tugas pengorganisasian ini terletak di bahu pegawai-pegawai lain yang ahli dalam soal-soal agama Islam. Walaubaga- mana pun mereka ini akhirnya senjadi mahir dalam persoalan-persoalan agama Islam disebabkan tugas mereka yang secara langsung terhadap agama Islam walaupun hanya sebagai pentadbir sahaja.⁸

Pentadbiran agama Islam di Negeri Melaka dibahagikan kepada ti-ge organisasi iaitu :

1) Majlis Agama Islam Melaka (MAIN)/ MAJLIS

Segala polisi pentadbiran agama dipegang oleh MAJLIS termasuklah soal-soal kewangan dan harta (LUKMAL) di Melaka. Mulfik merupakan

⁷ Ibid.

⁸ Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, op.cit., hal. 77.

kan salah seorang ahli MAJLIS yang secara otomatis dilantik sebagai Jawatankuasa Fatwa Malaysia.

II) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)

JAIM diketuai oleh seorang pengarah yang dilantik oleh DYMM Yang Dipertuan Agong atas nasihat MAJLIS. Segala polisi dan perancangan JAIM adalah diputuskan oleh MAJLIS yang memegang tempat polisi pentadbiran agama Islam Melaka. JAIM adalah sebuah badan yang bertanggungjawab dan bertanggungjawab oleh MAJLIS untuk mengimplementasikan perintah dan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa MAJLIS. Oleh itu JAIM bertindak dan berperanan untuk menjalankan sejala urusan yang berkaitan dengan agama Islam mengikut kenendak MAJLIS.⁹

Untuk melicinkan pentadbiran dalam melaksanakan dasar serta program yang dirancang, maka organisasi pentadbiran JAIM ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu :

- a) Bahagian Pentadbiran dan Pelajaran
- b) Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah
- c) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- d) Bahagian Da'wah

⁹ Sesuai dengan Encik Mohd. Yassin bin Alias, op.cit.

e) Bahagian Pengurusan

f) Bahagian Penyelidikan. 10

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan pula dibahagikan kepada tiga iaitu mengikut daerah, di mana setiap daerah terdapat seorang pegawai pentadbir agama iaitu ;

- i) Pegawai Agama daerah Melaka Tengah
- ii) Pegawai Agama daerah Alor Gajah
- iii) Pegawai Agama daerah Jasin

III) Mahkamah Syariah

Yang Dipertuan Agong dengan nasihat MAJLIS melantik Khadi
Husar dan khadi-hadi bagi setiap daerah untuk mentadbir, mengadili, se-
ngurus dan menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung dengan perso-
alan pengadilan kes jenayah, penceraian, tuntutan mafkah, perkahwinan,
harta dan lain-lain lagi.¹¹

Walaupun pentadbiran agama di Melaka dibahagikan kepada tiga ,
iaitu MAJLIS, JAIM dan MAHKAMAH SYARIAH sebagaimana yang telah dinyata-
kan, namun ketiga-tiga organisasi ini mempunyai hubungan tidak secara

¹⁰ Ibid.

¹¹ Enakmen Undana-undang Pentadbiran Hukum Syarak, op.cit., Ba-
hagian III, Pasal 28, hal. 22.

langsung dalam mentadbir, menyebarkan, membantu dan memjudikan usayarakat Islam yang dinamik dan progresif dalam segala bidang dan kehidupan yang dikehendaki Allah S.W.T. Oleh yang demikian banyak usaha-usaha kebaikan telah dilakukan secara kerjasama sebagaimana yang diturunkan oleh raja permasalahan yang senghubungkan antara MAIN, JAIM dan MATKARAH SYARIAH.¹²

C. BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM NELAKA

Peranan dalam penyebaran da'wah Islamiah yang menjadi akhir pertimbangan penulis adalah dipertanggungjawabkan khusus kepada Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka. Oleh itu apabila penulis membincangkan tentang kegiatan da'wah yang dilaksanakan oleh JAIM, maka perhatian penulis adalah lebih tertumpu kepada Bahagian Da'wah ini yang merupakan sebuah bahagian yang terbesar dan aktif di dalam organisasi pentadbiran JAIM.¹³

Semenjak tahun 1960 Bahagian Da'wah ini adalah terletak di bawah tanggungjawab dan bidangkuasa MAIN secara langsung (direct). Tetapi pada tahun 1977, bahagian ini diambil alih oleh JAIM setelah berlakunya

¹² Temubual dengan Encik Mohd. Yaasin bin Alins, op.cit.

¹³ Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit.

perubahan di dalam pentadbiran hal ehwal agama Islam di Melaka. Pada ta
hun 1989 satu jawatan baru diwujudkan iaitu jawatan Penolong Pengarah
Da'wah bagi membantu Pengarah JAIN dalam soal-soal kerjatan da'wah di
Melaka.¹⁴

Terdapat dua unit di Bahagian Da'wah ini yang dilantik oleh
dua orang pegawai, iaitu :

1) Unit Da'wah

Bertanggungjawab di dalam pelias dan memperkenankan ala-
rajaran Islam di dalam usaha melahirkan masyarakat sukmil yang doang
tutti ajaran Islam dan mempraktikkannya.

2) Unit Ukhwanwah

Bertanggungjawab dari segi peryalamanan kerjatan Islam da-
lam negri, menguruskan saudara Islam dan bukan Islam termasuklah akti-
vit-aktiviti sambutan perayaan agama.¹⁵ Sila rujuk LAMPIRAN B & C
untuk mengetahui bidang tugas kedua-dua unit tersebut serta perawai-pe-
rawai dan kakitangan yang lain, yang sama-sama berturut-turut lucus menjal-
ankan aktiviti yang dilaksanakan.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Tali Penerangan Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam, Melaka,
1989.

OBJEKTIF DA'WAH JASATAN AGAMA ISLAM NEGERI

Antara objektif yang menjadi tujuan penubuhan Da'wah ini ialah :

- i) Melahirkan masyarakat yang berjodikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna yang mengikuti dan menghayati ajaran Islam seperti tatkandung di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah meliputi aspek-aspek agama, syariah, akhlak, ekonomi, sosial, pendidikan dan ketulusan.¹⁶
- ii) Menegak keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta meneguhkan/sembasni kesungkaran, murtad, bid'ah dhalalah, makar, khurafat dan ran-fikiran yang menjejaskan kesurian Islam.
- iii) Memberikan penerangan agama kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti ceramah/kursus dari masa ke semasa.
- iv) Membuat pengawal perjalanan penamaan agama di masjid-zag dan madrasah-madrasah di Negeri Melaka.
- v) Bekerjasama dengan badan-badan Da'wah/Pertubuhan agama yang ada di Negeri Melaka atau luar negeri. Ini bertujuan untuk memporting hal-hal Inggi da'wah Islamiah kepada masyarakat Islam atau pun bukan Islam.¹⁷

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

Dapatlah disampaikan di sini perwakan utama bahawa dia tidak
mengembangkan da'wah Islamiah kepada masyarakat, terdiri perora-
nya yang seluas-luasnya kepada seluruh jajahan masyarakat Islam dan tu-
kan Islam mengenai ajaran Islam yang berdasarkan Al-Qur'an, sur. An-Sur-
rah Iman menghapuskan gejala-gejala buruk yang boleh meruntuhkan keba-
ik masyarakat Islam di Melaka.

H. SUMBER PERUNTUKAN KEWANGAN BARACIAN DA'WAH

Tiap-tiap bahagian dalam JAIN telah diberi peruntukan kewangan
di pengurusan bahagian-bahagian tersebut. Sumber kewangan Bahagian Da'
wah JAIN ini bagi melaksanakan program dan aktivitinya setiap tahun ada
seperti berikut :

- 1) Peruntukan dari Kerajaan Negeri Melaka. Untuk memastikan ba-
rua pembangunan rohani dan menentukan kegiatan agama terus diperluas-
kan, maka sejumlah \$ 3.3 juta diperuntukkan dari Belanjawan 1987 untuk
kegiatan agama. Peruntukan tahun 1988 pula berjumlah \$ 2.6 juta di mana
\$ 93,000 untuk program penghayatan masjid dan \$ 40,000 puluh untuk pro-
gram da'wah yang lain. Kedua-dua program tersebut adalah di bawah pokok
peraan JAIN dan NAIN.¹⁸ Manakala di tahun 1989 sejumlah \$ 139,000 dipo-
ranan JAIN dan NAIN.

¹⁸ Noor S.M. dan Ma'arof Saad, Penggerek - Rahim Tambychik (An-
tern Impian dan Kenyataan), Melaka : Taming Sari Enterprise, cetakan I
1988, hal. 49 & 62.

untuk Bahagian Da'wah bagi melaksanakan program-program kerja
semakin bertambah.¹⁹

i) Sumber peruntukan kedua-dua halalat diri MAJLIS yang sama-
nya soal-soal kewangan, harta, zakat dan lain-lain lagi yang dilatih-
kan di bawah pentadbiran LUTRAL. MAJLIS bekerjasama untuk membayar el-
an penceranah yang memberi ceramah atas jemputan JAIM.²⁰

ii) Sumber-sumber lain yang diperolehi ialah dari sumbangan
derma yang dihulurkan oleh penderma-penderma yang ingin melihat ke-
jayaan Islam di bumi Melaka.²¹ Sesama ni seikhlas mereka mendapat gan-
jaran dari Allah S.W.T . Inaya'Allah .

F. OBJKTIF AKTIVITI BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

Setiap aktiviti yang dijalarkan oleh Bahagian Da'wah ini mempunyai tujuan dan objektifnya yang tertentu. Antara memorandum dan tujuan umum aktiviti-aktiviti da'wah dijalankan ialah :

¹⁹ Tembusan dengan Encik Mohd.Yassin bin Alias, op.cit. .

²⁰ Ibid.

²¹ Ibid.

- 1) Memberikan kesedaran dan kefahaman yang seiyeluruh kepada umat Islam.
- 2) Menggerakkan perhubungan di kalangan umat Islam, di antara Badan Da'wah, Insti[”]si Islam dan lain-lain Badan.
- 3) Menyediakan perkhidmatan kebaikan kepada saudara-saudara kita dan menyelaras kegiatan-kegiatan Islam di peringkat neguri.
- 4) Melahirkan masyarakat Muslim yang memahami Islam dan mempraktikkannya melalui ceramah-ceramah, kursus-kursus, kelas-kelas agama dan risalah-risalah.
- 5) Mengawas perkembangan pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah, masjid-majid, madrasah-mairasah dan di tempat-tempat lain.
- 6) Meningkatkan lagi da'wah di kalangan masyarakat yang bukan Islam.
- 7) Menyediakan khutbah-khutbah Jumaat untuk dibacu di masjid[”] majid, khutbah-khutbah sempena perayaan-perayaan agama dan kempom yang dijalankan oleh kerajaan.
- 8) Menyediakan maqallah dan risalah-risalah kecil untuk dibagikan kepada orang ramai.²²

²² fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah Jabatan Agama Islam Melaka.

Secara keseluruhannya segala aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan untuk menguruskan secara lebih cekap lagi tugas-tugas yang berbentuk galakkan dan suruhan kepada jalan kebaikan ('amar ma'afif) dan mengembangkan ajaran-ajaran Islam dengan meluaskanya melalui hawa'i badan da'wah berdasarkan kepada penyelarasan dan kawalan yang rupi.

G. AKTIVITI DAN KEGIATAN BAHAGIAN DA'WAH JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA

Sebagaimana yang telah dijelaskan, JAIN melalui Bahagian Da'wah diberi tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti dan kegiatan da'wah di Negeri Melaka. Secara umumnya bahagian ini diberi tugas untuk melaksanakan program seperti berikut :

- Mengendalikan kursus-kursus
- Mengendalikan halaqah-halaqah kebajikan
- Mengendalikan kelas-kelas fardhu 'ain
- Mengendalikan kelas bimbingan dan pembelajaran Al-Qur'an
- Mengatur ceramah-ceramah agama
- Membimbing saudara baru
- Menerbitkan majalah dan risalah agama
- Menyediakan khutbah Jumaat, Hari Raya dan Hari Kebesaran Is

- Mengendalikan penerbitan taqwim, waktu sezbahyune dan waktu berbuka puasa
- Menyediakan perkhidmatan kebaikan dengan memberi sumbangan kewangan atau hadiah kepada pesakit-pesakit dan orang tua
- Mengadakan muzakarah bagi membincangkan persoalan Da'wah Islamiah.²³

Secara umumnya kita dapati aktiviti dan kegiatan Bahagian Da'wah ini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk atau cara iaitu :

- i) Aktiviti berbentuk kursus dan halaqah
- ii) Aktiviti berbentuk ceramah, syarahan agama dan seminar
- iii) Aktiviti berbentuk kelas-kelas Agama/Bimbingan
- iv) Aktiviti berbentuk penyebarluasan, penerbitan dan penulisan
- v) Aktiviti berbentuk perayaan
- vi) Aktiviti berbentuk sumbangan kebaikan
- vii) Aktiviti berbentuk muzakarah

Untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci, penulis akan menguraikan aktiviti dan program yang dijalankan mengikut bentuk-bentuk kegiatan yang telah dinyatakan.

²³ Ibid.

1) Aktiviti Berbentuk Kursus Dan Halqah

Bahagian Da'wah JAIM ini telah mengatur, merancang dan melakuanan beberapa kursus dan halqah mengikut keupayaan yang ada. Sama ada dari segi kewangan maupun tenaga yang dicurahkan. Antara kursus-kursus dan halqah yang mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat ialah :

a) Kursus Perkahwinan

Kursus ini dijalankan di setiap daerah di Melaka iaitu di daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Separjeng tahun 1989, sebanyak 9 Siri Kursus Perkahwinan telah diadakan iaitu 3 Siri bagi setiap daerah. Antara tujuan dan matlamat yang ingin dicapai menerusi kursus ini ialah :²⁴

- i- memberikan kefahaman Islam kinisunya mengenai seluk beluk ilmu perkahwinan dan kekeluargaan Islam
- ii- mendedahkan hakikat berumah tangga sebenar dan cabaran-cabaran yang bakal dilalui serta cara-cara mengatasinya
- iii- mengulangkaji dan mendedahkan kepada peserta-peserta, khususnya mengenai ilmu Farihu 'Ain dan Fardhu Kifayah bersang

²⁴ Temubual dengan Encik Omran bin Hussin @ Hassan, Pegawai Pam bangunan Keluarga, JAIM, Bangunan Seri Negeri, pada 22hb. Disember, 1989, jam 2.30 petang hingga 3.00 petang.

vi- membimbing peserta-peserta kursus menjalani kehidupan terny
nahtangga supaya mencapai matlamat perkahwinan itu sendiri.

Peserta atau susunan kursus yang dijemput hadir untuk turut ser
ta, adalah terdiri daripada :

- Teruna dara atau bakal pengantin
- Janda dan duda yang ingin berkahwin lagi
- Pasangan yang telah mendirikan rumah tangga yang berminat un
tuk sama-sama mengikuti kursus ini. ²⁵

Kursus ini dijalankan selama 3 hari dan setiap hari ditentukan
tajuk yang sesuai sebagai pengisian kursus tersebut. Sila rujuk dan li
hat LAMPIRAN D yang merupakan satu contoh kertas kerja yang mengan-
dungi beberapa tajuk pengisian kursus ini. Kaedah pelaksanaannya ada-
lah berbentuk pembentangan kertas kerja, halqah berkumpulan, tayangan
video, majlis dialog dan ceramah umum yang biasanya dijemput khas dari
LPPKN. Pada hari ketiga iaitu hari terakhir kursus ini, diadakan qiamu
²⁶ lail dan penyampaian sijil kepada peserta-peserta kursus.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

b) Kursus Halaqah Belia

Semua belia lelaki yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun adalah layak menyertai kursus ini. Kelulusan akademik tidak diperlukan. Antara matlamat kursus ini ialah ;

- untuk mendedahkan kepada kaum belia tentang kesedaran Islam
- mendedahkan para belia kepada aspek-aspek kesedaran diri melalui kefahaman Islam
- memberi pengetahuan, kesedaran dan perkongsian maklumat di antara peserta-peserta mengenai tanggungjawab setiap pemuda terhadap ajaran Agama Islam
- menjelaskan tanggungjawab pemuda terhadap kewajipan fardhu 'ain dan fardhu kifayah di dalam Islam
- menguatkan lagi hubungan sillaturrahim antara belia dan tenaga pengajar.

Sepanjang tahun 1989 kursus ini pernah diadakan di beberapa buah kampung yang dijadikan pusat kursus halaqah belia ini untuk kampung kampung yang berdekatan. Sila lihat LAMPIRAN E untuk mengetahui tem

²⁷ Temubual dengan Encik Nur Ammi, Pegawai Kerani JAIM dan selaku Ad-Hoc Kursus Halaqah Belia, Seri Negeri, pada 22hb Disember, 1989, jam : 10.00 pagi hingga 11.30 pagi.

pat dan tarikh kursus tersebut dijalankan serta penganjurnya.

Belia-belia yang menyertai kursus halqah ini akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang mengandungi 10 hingga 15 orang, di mana setiap kumpulan akan diajar oleh seorang tenaga pengajar dalam jangka masa 1 hingga 1½ jam lamanya bagi satu sesi pembelajaran. Pembahagian kumpulan ini sebenarnya bertujuan untuk sevujudkan hubungan yang rapat antara belia dan tenaga pengajar agar dapat berhubung terus apabila peserta menghadapi masalah dalam pembelajaran dan masalah peribadi. Di samping itu pembahagian ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturrahim.²⁸

Sebelum kursus ini dimulakan peserta dikenakan peraturan-peraturan dan tri-ta tertib agar perjalanan kursus ini akan berjalan dengan lancar, teratur dan berkesan. Peraturan-peraturan Kursus Halqah Belia ini boleh dirujuk di LAMPIRAN F . Tujuan surni kursus ini sebenarnya adalah untuk mengisi masa para belia agar tidak terbuang begitu sahaja dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan menyedarkan mereka akan erti kehidupan manusia yang hakiki di dunia ini. Oleh yang demikian pengisian Kursus Halqah Belia ini dibahagikan kepada tiga bentuk halqah iaitu :

²⁸ Ibid.

- 1) Halaqah Renungan dan Akhlak
- ii) Halaqah Imaahid
- iii) Halaqah Peqah.²⁹

Ketiga-tiga bentuk pengisian halaqah ini dapat dirujuk dengan lebih jelas lagi menerusi LAMPIRAN G. Kursus Halaqah Belia ini mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan masyarakat sehingga ada di kalangan kaum tua yang berminat untuk turut serta kerana bagi mereka ais-tem halaqah ini adalah lebih praktikal dan berkesan.³⁰

c) Halaqah Kebajikan

Halaqah Kebajikan ini diadakan di sekolah-sekolah kebajikan seperti sekolah pemuliharan akhlak, rumah anak-anak yatim, rumah orang tua dan pusat latihan belia. Sila lihat LAMPIRAN H yang menyatakan tempat serta tarikh halaqah kebajikan ini dijalankan sepanjang tahun 1989.

Halaqah kebajikan yang diadakan di sekolah-sekolah pemuliharan akhlak adalah bertujuan untuk memberikan kesedaran dan keinsafan kepada sarawak dengan menerapkan nilai-nilai akhlak yang mulia. Manakula halaqah yang diadakan di rumah-rumah anak-anak yatim dan orang tua pula adalah bertujuan untuk sama-sama membimbing mereka ke jalan yang benar agar me-

²⁹ Ibid.

³⁰ Ibid.

reka tidak merasa teraih dari pada masyarakat. Bantuan dan sumbangan diberikan kepada golongan ini bagi mengurangkan beban permasaan dan hidup yang dihadapi oleh mereka. Di samping itu dua orang zuballigh telah ditugaskan mengajar dua orang muallaf di Pusat Seranti yang asasnya Islam semasa menjalani pemuliharaan akhlak.³¹

a) Kursus Kefahaman Islam

Kursus ini mempunyai objektif yang sama seperti Halazah 30 iaitu di mana tujuan utamanya ialah membekalkan para peserta kepada aspek aspek kesedaran diri melalui kefahaman Islam. Kursus ini pernah diadakan di Masjid Paya Datok, Alor Gajah, Melaka yang dianjurkan khas oleh Pesuda UMNO Bahagian Selander dengan kerjasama Pesuda UMNO cawangan lain juga JAIN sendiri.

Pengisian kursus ini adalah berbentuk ceramah, kuliah subuh, seminar yang berjemaah, qismulail dan lain-lain aktiviti. Kursus selama dua hari ini mendapat sambutan dari kalangan Pesuda UMNO di mana penyertaannya adalah seramai 200 orang.³²

³¹ Ibid.

³² Ibid.

e) Kursus Jawatankuasa Masjid

Pengaruh Islam di zaman silam telah banyak meninggalkan kerajaan negeri ini sehingga ke hari ini, di mana pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi syiar Islam.

Dapat dibuktikan dengan terdirinya masjid dan madrasah yang tumbuh seperti cendawan di segenap pelusuk sema ada di selok-selok, kampung-kampung pun mukim. Terdapat kira-kira 164 buah masjid dan 415 buah madrasah atau surau yang berdaftar di Melaka. Taburan masjid dan madrasah tiga buah daerah Negeri Melaka ini boleh dilihat menurusi LAM-MIRAN I. ³³

Di samping itu sebuah Masjid Negeri yang kini dalam pembinaan terakhir adalah didirikan hasil dari persetujuan Majlis Persekutuan Kerajaan Negeri pada 8hb.Ogos, 1979. Masjid ini didirikan di kawasan seluas 25 hektar atau 10.12 hektar di Bukit Paloh yang memakan belanja lebih dari RM 15 juta. Masjid ini dinamakan Masjid Negeri Al-Azim. ³⁴ Memandangkan pada pertumbuhan masjid dan surau yang semakin banyak inilah, maka kursus jawatankuasa Masjid diadakan di negeri ini.

³³ Pail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah - JAIN

³⁴ Masni Ros Fakir Mohammad, Berita Harian : "Pelbagai Usaha Dilakukan Untuk Kemajuan Agama Islam" (Keluaran Khas Sempena Harijadi Yang Ke 100 Negeri Melaka), Rabu 21hb.Julai, 1985, hal. 10.

Kursus ini diadakan, khas untuk jawatankuasa masjid tersebut iaitu imam, bilal, khatib dan mereka yang terlibat dalam menguruskan masjid di Negeri Melaka ini. Di antara tujuan kursus ini ialah ke arah menyelaraskan tugas-tugas imam, bilal dan khatib di seluruh Negeri Melaka juga menyampaikan secara dekat lagi mengenai peranan dan tugas jawatankuasa masjid. Di samping itu kursus ini memberi panduan secara kolektif ke arah melahirkan imam, bilal dan khatib masjid yang berwibawa dan berkali-kali untuk ditemui dan oleh masyarakat. LAMPIRAN J menunjukkan tabel jumlah imam, khatib, bilal, noja munkin dan bilal perempuan yang dilakukarkan oleh JAIN dan NAIN bagi tahun 1989.³⁵

f) Kursus Pengurusan Jenazah

Antara tujuan diadakan kursus ini ialah untuk memberi kefahaman secara intensif berhubung dengan cara pengurusan jenazah, menunaikan tanggungjawab fardhu kifayah dan mewujud anggota masyarakat Islam mengenai kaedah pengurusan jenazah. Peserta kursus diajar secara praktikal agar iaanya mudah difahami dengan lebih jelas lagi.³⁶

Banyak lagi kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Da'wah dengan kerjasama badan-badan tertentu dan masyarakat dalam usaha untuk mengangkat ayat Islam. Antara kursus lain yang dianjurkan ialah :

³⁵ Pail Penorengan Kursus Bahagian Da'wah - JAIN.

³⁶ Ibid.

- Kursus Batin Orang Asli
- Kursus kepada Pekerja-pekerja Kilang
- Kursus Hukim Tiliawat dan lain-lain lagi.

Menjelang tahun 1990 ini banyak lagi kursus akan dilaksanakan.

Untuk lihat LAMPIRAN K yang menunjukkan senarai kursus tahun 1990 berserta perbelanjaan kursus tersebut.

(ii) Aktiviti Berbentuk Ceramah, Syarahan Agama dan Seminar.

Dalam merealisasikan peranan dan tanggungjawab, Bahagian Da'wah

telah melaksanakan program-program yang berbentuk ceramah-ceramah kepada anggota masyarakat. Ceramah dan syarahan agama ini tidak hanya tertumpu di masjid-majid sahaja, bahkan ia meliputi kilang-kilang perindustrian, jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan lain-lain lagi.³⁸

Pada tahun 1988 sebanyak 1500 penerangan dan ceramah da'wah telah diadakan di masjid-majid, madrasah-madrasah dan badan-badan sukarela dengan mengambil tenaga penceramah dari JAIM sendiri yang telah mendapat tauliah. Pada tahun 1989 lebih dari 1500 siri ceramah dan penerangan

³⁸ Fail Lapuran Bahagian Da'wah - JAIM.

ngan diadakan dan dijangkakan pada tahun 1990 ini pula, jumlah tersebut akan meningkat dengan adanya kerjasama dari Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Setiap permohonan ceramah yang diminta akan ditunaikan oleh JAIM. Sila lihat LAMPIRAN L yang menunjukkan kekerapan ceramah agama yang di-anjurkan oleh JAIM dari tahun 1985 hingga 1988. Rajah tersebut membuat-tikan peningkatan permohonan ceramah dan syarahan agama.³⁹

Tugas dan tanggungjawab Bahagian Da'wah dalam melaksanakan akti-viti berbentuk ceramah ini ialah menyediakan penceramah sama ada dari pegawai-pegawai JAIM atau NAJLIS, penceramah sambilan dari kalangan guru-guru agama serta orang-orang berilmu yang diyakini berupaya untuk menjadi penda'wah. Setakat ini sebuah Badan Penceramah telah ditubuhkan, yang dianggotai oleh 50 orang da'i iaitu 47 orang dari kalangan lelaki dan hanya 3 orang dari kalangan wanita. Para penceramah ini diberi pam-pasan atau eluan sebanyak £ 50 bagi setiap ceramah yang diberikan.⁴⁰

Pada umumnya ceramah yang diadakan dibahagikan kepada dua bentuk iaitu ceramah tetap dan ceramah untuk sambutan hari-hari Kebesaran Islam. Ceramah tetap biasanya dijalankan dengan kerjasama badan sukare-la, jabatan kerajaan, masjid atau surau sama ada berbentuk mingguan atau

³⁹ Ibid.

⁴⁰ Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit. .

bulanan. Ceramah untuk sambutan Hari Kebesaran Islam, biasanya diadakan semasa sambutan Hari Kebesaran seperti berikut ;

- 1) Ceramah Agama Isra' Mikraj
- 2) Ceramah Agama Musul Al-Qur'an
- 3) Ceramah Ma'al Hijrah
- 4) Ceramah Maulud Nabi s.a.w
- 5) Ceramah Awal Muharrem dan sebagainya.⁴¹

Penceramah-penceramah sempena Hari Kebesaran Islam ini biasanya diundang khas luar dari Negeri Melaka misalnya dari Pusat Islam, PERKIN HUSAT, Kor Angkatan Tentera dan lain-lain lagi. Pada tahun 1989 yang lalu sejumlah lapan ceramah dikendalikan oleh JAIM sempena Perayaan Maulidur Rasul. Ceramah-ceramah ini diadakan di Dewan Besar Pusat Expo, Air Keroh, Melaka. Nama penceramah, tajuk ceramah serta tarikh ceramah itu berlangsung boleh dilihat di LAMPIRAN M . Di bulan Ramadhan juga diadakan ceramah dan syarahan agama kepada pengunjung-pengunjung masjid yang beribadat. Aktiviti ini lebih dikenali sebagai Ihya' Ramadhan.⁴²

Terdapat juga aktiviti berbentuk seminar yang dikendalikan dari masa ke semasa. Suatu seminar yang bertajuk "Kenapa Umat Islam Mundur daripada Mengatasinya" pernah diadakan sebagai langkah dan usaha

⁴¹ Pail Penerangan Bahagian Da'wah - JAIM.

⁴² Ibid.

untuk mencari penyelesaian masalah ini menerusi perbincangan dalam semai
tar tersebut.⁴³

Pendekatan dalam bentuk ceramah atau ayarahan agama seperti na-
ra yang dilakukan oleh bahagian ini merupakan satu cara pendekatan yang
unik. Memandangkan kepada permintaan yang kian meningkat terhadap pro-
gram bentuk ini. Ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan ini berje-
na menarik minat orang ramai untuk mendalami ajaran Islam. Isi ceramah res-
titut berseuaian atau seiring dengan isu-isu semasa yang kerudiannya
sikaitkan dengan apa yang terdapat di dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah.

(III) Aktiviti Berbentuk Kelas-kelas Agama/Bimbingan

Kelas-kelas agama/bimbingan ini diwujudkan untuk kanak - kanak

dan orang dewasa. Antaranya :

- i) Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain di Pusat/Sekolah Pemulihhan
- ii) Kelas Bimbingan Fardhu 'Ain di Kilang Perindustrian
- iii) Kelas Agama dan Bimbingan bagi Saudara-saudara Baru
- iv) Kelas Agama bagi Orang Dewasa di masjid-masjid/surau
- v) Kelas Agama, Al-Qur'an dan Fardhu 'Ain bagi kanak-kanak
- vi) Kelas Tahfiz Al-Qur'an.⁴⁴

⁴³ Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit.

⁴⁴ Temubual dengan Encik Nur Azmi, op.cit.

Terdapat banyak kelas agama dan bimbingan yang dikendalikan oleh JAIN terhadap Pusat/Sekolah Pemulihara Akhlak. Program ini biasanya diadakan pada hari Sabtu dan Ahad kerana pada hari-hari yang lain mereka mempunyai kelas bimbingan yang diatur oleh Pusat/Sekolah Pemulihara itu sendiri. Kelas bimbingan di Kilang Perindustrian yang menjaring saudara baru JAIN juga diwujudkan bagi melahirkan pekerja yang berakhlaq dan patuh kepada ajaran Islam.⁴⁵

Kelas bimbingan bagi saudara baru diadakan di Balai Islam pada hari Sabtu dan Ahad. Pengisiannya lebih berbentuk aqidah dan cara-cara untuk menunaikan syariat Allah S.W.T seperti sembahyang, mandi wajib, puasa dan sebagainya. Saudara-saudara baru ini terdiri dari berbagai bangsa iaitu Cina, India, Orang Aali dan lain-lain lagi.⁴⁶

Pembentukan kelas-kelas agama bagi orang dewasa di masjid, surau dan madrasah akar dipertingkatkan lagi supaya guru-guru agama yang mengajur dapat memperkuatkan aqidah dan kefahaman Islam di kalangan orang-orang dewasa di Melaka. Kelas-kelas ini biasanya diadakan pada sebelah malam iaitu di antara waktu Maghrib dan Isya'.⁴⁷

⁴⁵ Temubual dengan Encik Nur Azmi, op.cit. .

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Noor S.M. dan Ma'arof Saad, op.cit., hal. 80.

Kelas-kelas Agama, Al-Qur'an dan Fardhu 'Ain bagi kanak-kanak diadakan di masjid-masjid. Kanak-kanak berumur antara 6 hingga 9 tahun boleh menghadiri kelas-kelas ini. Kelas ini biasanya diadakan pada esok si petang selepas mereka menghadiri kelas-kelas formal di sekolah. Guru-guru yang dilantik memberi pelajaran atas agama Islam untuk menerapkan nilai-nilai Islam pada peringkat usia awal kanak-kanak tersebut. Kejuis bimbingan bagi kanak yang berumur 6 tahun, yang lebih dikenali sebagai Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TAKI) juga diwujudkan dengan kerjasama ABIN Cawangan Melaka. Selain dari menekankan aspek IQ (membaca, menulis dan mengira), kelas ini juga menekankan pendidikan akhlak menerusi latihan sembahyang, nasyid dan lain-lain mata pelajaran yang berunsur Islam.⁴⁹

Kelas-kelas Tahfiz Al-Qur'an yang dikelolakan oleh Bahagian Agama Jabatan Pedana Menteri diwujudkan di Melaka. Kelas ini lebih dikenali dengan nama Maahad Tahfiz dan diadakan di Balai Islam. Sebuah tabung Maahad Tahfiz telah ditubuhkan dengan kerjasama Maahad Tahfiz Al-Qur'an dan Persatuan Ulama' Melaka untuk menambahkan pembiayaan sekolah ini. Kelas-kelas Tahfiz ini adalah untuk kanak-kanak yang berumur antara 10 hingga 15 tahun.⁵⁰

⁴⁹ Naomi Ros Pakir Mohamad, op.cit., hal. 10.

⁵⁰ Ibid.

94

IV) Aktiviti Berbentuk Penerbitan, Penerangan dan Penulisan.

Bidang penerbitan, penerangan dan penulisan telah diserapkan ke bahagian Da'wah untuk melahirkan hasil penerbitan dan pengetahuan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk buku, majalah, poster, risalah dan sebagainya. Oleh yang demikian usaha ini bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat dalam menyediakan bahan bacaan berunsur Islam sebagai jalan menyebarkan Islam melalui media-media tersebut yang dianggap berkesan.

51

Peruntukan telah disediakan untuk mencetak kulit-kulit Full Kur'an, Khutbah Jumaat/HariRaya, Khutbah Hari-hari Kebesaran Islam, Poster Ceramah Agama dan Perayaan-perayaan Islam, penerbitan al-Mustaqim (Majalah Keluaran JAIM yang diterbitkan 3 bulan sekali), Taqwim, waktu sembahyang dan waktu berbuka puasa, percetakan Risalah Al-Iman dan lain-lain lagi. Perincian kenyataan penerbitan, percetakan beserta denarkan pembelanjaannya sekali boleh dirujuk di LAMPIRAN □ .

Hasil terbitan bahagian ini sama ada berbentuk majalah, poster, taqwim Islam, risalah dan lain-lain lagi disebarluaskan kepada orang ramai, masjid-masjid, pejabat-pejabat kerajaan dan mana-mana sahaja tempat yang dihajiri oleh penceramah JAIM. Permintaan terhadap hasil terbitan

51 Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim,
op.cit. .

ini kian meningkat berikutan kesedaran masyarakat untuk mengetahui akti-viti dan perkembangan da'wah Islamia' di Melaka.⁵²

JAIM dengan kerjasama yang diwujudkan bersama Kementerian Pen-ranggan menerusi RMM (Radio Malaysia Melaka) telah menerbitkan Rancangan Soal Jawab Agama melalui telefon sebagai salah satu cara berda'wah melalui media elektronik. Segala persoalan agama yang dikemukakan oleh pendengar akan dijawab oleh pegawai agama yang ditugaskan oleh JAIM menerusi rancangan ini. Ceramah atau Panduan Nenunaikan Haji juga diter-bitkan pada sebelah petang khas untuk masyarakat yang ingin nenunaikan Haji.

V) Aktiviti Berbentuk Perayaan.

Beberapa perayaan agama telah diadakan sepanjang tahun 1989 se-perti sambutan Maulidur Rasul, Ma'al Hijrah, Tilawatil Qur'an dan lain-lain perayaan. Perayaan-perayaan dan sambutan-sambutan yang sama juga akan diadakan sepanjang tahun 1990 dengan melibatkan perbelanjaan seba-yak \$ 130,000 .⁵³

⁵² Ibid.

⁵³ Ibid.

Terdapat beberapa aktiviti dan pengisian yang dijalankan untuk membutu Hari Kebesaran Islam ini dalam usaha mewujudkan perpaduan umat Islam dan memperingati sejarah Hari Kebesaran Islam tersebut serta mengambil pengajaran daripadanya.

VI) Aktiviti Berbentuk Sumbangan Kebajikan.

Perkhidmatan Kebajikan di bawah Unit Ukhuuwah Bahagian Da'wah JAIM banyak memberi sumbangan kebajikan kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik. Antara sumbangan kebajikan yang telah dicurahkan ialah kepada :

- i) Kebajikan dan sumbangan kepada Anak Yatim
- ii) Kebajikan kepada Orang Asli dan Saudara Baru
- iii) Kebajikan kepada Rumah Orang Tua
- iv) Khidmat Kebajikan Islam di Hospital
- v) Kebajikan kepada Pusat/Sekolah Pemulihan Akhlak
- vi) Kebajikan dan sumbangan di Pusat Penempatan Banjir, Kebekaran atau sesuatu trajidi malang yang berlaku.⁵⁴

Sebuah projek untuk mendirikan Pondok Orang-orang Tua Islam yang termiskin di Melaka dijangkakan akan beroperasi menjelang tahun

⁵⁴ Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit.

1990. Sumbangan dan kebajiran yang dihulurkan adalah berbentuk wang daripada keperluan asas yang lain.⁵⁵

VII) Aktiviti Berbentuk Muzakarah

Muzakarah ini diadakan hasil dari mesyuarat Yayasan Da'wah Islamiah Malaysia dengan Yang Dipertua/Penguruh Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang diadakan pada 9hb.Mac, 1981. Di Melaka muzakarah ini lebih dikenali sebagai Muzakarah Panel Penda'wah.

Tujuan muzakarah ini diadakan ialah untuk membincangkan masalah masalah semasa yang timbul dalam masyarakat di Melaka. Muzakarah ini juga sebagai satu jalan untuk mencari kaedah dan jawapan yang tepat terhadap isu-isu yang sering dihadapi oleh pegawai-pegnwi agama dalam masa berada menjalankan tugas. Ia juga bertujuan untuk mempastikan setiap pegawai agama mempunyai kewibawaan dan berfungsi.⁵⁶

Perbincangan sering diadakan bagi memastikan rakyat Melaka ini tidak terpengaruh dengan jalan yang menyesatkan. Oleh yang demikian kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah utama untuk membasmi kurat-kurat yang boleh memesongkan acidah umat Islam di negeri ini. Ke

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Temubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit .

rajaan Negeri juga berusaha menghapuskan segala bentuk pertuatan dan pemujian yang boleh menyalahi hukum.⁵⁷

JAIN dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah merobohkan bangunan di tiga tempat yang dianggap keramat oleh sebagian besar masyarakat iaitu di Makam Tok Dalip, Bachang, Melaka Tengah, Makam Zubah di Jasin dan Keramat Machap di Alor Gajah. Tempat-tempat lain yang juga dianggap keramat akan dirobohkan dari masa ke semasa supaya umat Islam tidak merasai kufur dan takzih.

Sebelum ini JAIN dan MAIM telah merobohkan bangsal-bangsal yang melindungi kubur-kubur yang dianggap keramat, antaranya Bangsal Keramat Tujuh Beradik yang merupakan kubur-kubur yang panjang di Pulau Besar, Melaka. Batu-batu nisan yang terdapat di kubur itu juga dibutulkan seperti kubur-kubur orang biasa dan Kerajaan Negeri telah membelanjakan kira-kira 8 5,000 untuk membina semula kubur-kubur di Pulau Besar itu, supaya tidak lagi dianggap keramat.

Selain daripada itu dalam usaha Jain untuk mengasal aqidah umat Islam dari dipesongkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, maka Kerajaan Negeri dengan kerjasama JAIN telah mengharamkan ajaran Qadiani/Ahmadiah yang tidak diperakui sebagai Islam oleh Majlis Raja-raja.

⁵⁷ Masni Ros Pakir Mohamad, op.cit.

⁵⁸ Ibid.

Terdapat banyak lagi aktiviti dan kegiatan yang dilaksanakan oleh JAIN demi untuk mempertingkatkan lagi da'wah Islamiah kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka. Sebuah Badan Penyelarasan Da'wah Islamiah telah ditubuhkan untuk menyelaras semua aktiviti dan kegiatan Badan-badan Da'wah dan Kebajikan di seluruh Negeri Melaka.

H. NAJLIS PENYELARASAN DA'WAH NEGERI MELAKA

Majlis Penyelarasan Da'wah Negeri Melaka ditubuhkan pada bulan Februari, 1989. Pengurus Majlis tersebut yang juga Pengurus Portfolio Agama Islam dan Kebajikan Am Negeri, Haji Ahmad bin Haji Abdullah mengatakan bahawa Majlis Penyelarasan Da'wah ini merupakan sebuah badan gabungan dari persatuan-persatuan bercorak da'wah dan Kebajikan Islam yang terdapat di Melaka. Sebanyak 13 badan bercorak da'wah dan kebajikan Islam di negeri Melaka yang menjadi ahli Majlis Penyelaras dan Da'wah Islamiah setakat ini.⁵⁹

Majlis Penyelarasan Da'wah Islamiah yang ditubuhkan atas inisiatif Haji Ahmad bin Haji Abdullah sendiri adalah bertujuan :

- mengarangkan perhubungan dan persefahaman antara badan da'
- wah Islamiah

⁵⁹ Kadir Ahmad, "Mengapa Umat Islam Mundur Akan Diseminarkan", Mara Melaka, Melaka : Kerajaan Negeri, Keluaran 84, Jun, 1989, hal. 9.

- mewujudkan gabungan tenaga serta kerjasama antara badan-badan da'wah Islamiah
- menyelaraskan gerakan dan kegiatan badan-badan da'wah Islamiah
- merancang program da'wah Islamiah bersepaktu, sama ada melaui lisan atau penulisan
- menyatukan arah pemikiran badan-badan da'wah/Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi mengelakkkan perangungan pendapat.⁶⁰

Secara umumnya Majlis ini ditituhkan dengan tujuan untuk menyampaikan semua kegiatan bercorak da'wah dan kebajikan Islamiah di negeri Melaka serta menjadi asas kepada cita-cita mewujudkan sebuah Persatuan Islam yang tunggal bagi negeri Melaka. Oleh itu peranan dan tugas badan-badan Da'wah/Islam di Melaka ialah untuk menyelaraskan rancangan dan kegiatan yang bercorak tempatan, negara dan antarabangsa.⁶¹

Nemurut Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Majlis ini akan melaksanakan tugas yang diberikan oleh mana-mana pihak atau majlis Islamiah / bu'wah Melaka berdasarkan amar ma'arof nahi mungkar. Majlis ini juga akan mengadakan pertincangan, seminar, kursus dan lain-lain lagi dari

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ Ibid.

masa ke semasa bagi mempertingkatkan lagi kegiatan, keilmuan dan pengalaman ahli-ahli gabungan Majlis ini danasyarakat seluruhnya. 62

1. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH JAIM.

Dalam melaksanakan aktiviti dan gerakerja yang dirancangkan, ada kalanya JAIM menghadapi masalah-masalah yang sedikit setakut menghalangi usaha pencapaian matlamatnya, khususnya Bahagian Da'wah. Antara masalah-masalah tersebut :

i) Masalah keturangan pegawai atau kakitangan untuk mendudik atau mengurus aktiviti-aktiviti serta masalah-masalah campuran yang lain. Seorang pegawai agama terpaksa memegang beban beban tugas akhir dari masalah yang dihadapinya ini. Walaubagaimana pun tidak dapat dinafikan bahawa ada juga di kalangan pegawai dai kakitangan disini bertugas dengan dedikasi kerana ingin melihat segala aktiviti yang dirancangkan itu berjaya. 63

ii) Kekurangan tenaga penda'wah wanita yang berpotensi dan berwibawa. Setakat ini Bahagian Da'wah hanya mempunyai tiga orang penda'wah wanita. Dengan jumlah sekecil ini permintaan terhadap penda' -

62 Ibid.

63 Tembusul dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, DR. SIK. .

wah atau penceramah wanita mungkin tidak dapat dipenuhi.⁶⁴

iii) Masalah pejabat pentadbiran JAIM yang sempit dan sempit.

Pejabat yang disediakan di Bangunan Seri Negeri adalah kecil lagi se-
mpitkan kesemua bahagian yang berada di bawah pentadbiran JAIM.⁶⁵

iv) Selain daripada itu kedudukan pejabat MAM dan JAIM yang
terpisah menimbulkan masalah untuk berhubung terus apabila timbul sesu-
atu perkara yang memerlukan penyelesaian segera.⁶⁶

J. PENCAPAIAN DAN PERANCANGAN JAIM.

Neskipun terdapat masalah dan kelentahan dalam melaksanakan pro-
gram, namun terdapat beberapa perkembangan dan pencapaian yang baik se-
bagai membuktikan kesan positif dari program dan kegiatan yang dijalani-
kan. Antaranya ialah :

1) Sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Negeri Melaka
terhadap kursus dan program yang dilaksanakan.

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Tersubuh dengan Encik Nur Azmi, op.cit.

⁶⁶ Ibid.

ii) Permintaan terhadap ceramah, kursus, penertian risalah dan lain-lain aktiviti agama semakin bertambah. Sila rujuk LAMPIRAN P bagi membuktikan peningkatan prestasi aktiviti Bahagian Da'wah JAIM.

iii) Wujudnya Majlis Penyelarasan Da'wah yang mengatungkan Badan-badan Da'wah dan Kebajikan yang bekerjasama menyelesaikan masalah rumah di Melaka.

iv) Kegiatan da'wah berjaya dijalankan di kalangan semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, orang dewasa dan orang tua. Begitu juga di kalangan masyarakat bukan Islam termasuklah Orang Asli. Banyak lagi kejayaan yang dicapai oleh JAIM dalam usaha pembangunan rohani.

Perancangan telah dibuat dengan kerjasama Pusat Islam untuk memwujudkan penggunaan komputer di dalam pentadbiran JAIM dan MAIM. Segalain berita atau laporan boleh disimpan dan dirujuk tanpa menimbulka kesulitan. InsyaAllah perancangan ini akan menjadi kenyataan dan berjaya dilaksanakan.⁶⁷

Di samping itu JAIM ingin mengiatkan lagi kegiatan da'wah mereka di kalangan Orang Asli. JAIM dengan kerjasama Pusat Islam juga cuba latih beberapa orang pegawai arama untuk mengikuti kursus berda'wah

⁶⁷ Secubual dengan Encik Haji Ahmad Mustafa bin Haji Abdul Karim, op.cit. .

kepada Orang Asli.⁶⁸

JAIM ingin memperluaskan lagi kegiatan da'wahnya melalui media elektronik di mana beberapa barang-barang keperluan tela. disediakan untuk menjayakan hasrat ini. Lihat LAMPIRAN N yang menunjukkan jumlah barang keperluan yang disediakan.⁶⁹

Penulis mendo'akan semoga segala hasrat dan perancangan JAIM ini terjaya dan diredhai Allah S.W.T serta berjaya mewujudkan sebuah syarikat yang mengamalkan ajaran Islam. InnyaAllah.

⁶⁸ Ibid.

⁶⁹ Fail Penerangan Aktiviti Bahagian Da'wah, op.cit. .